

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger
Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online
Or Not?

JEBAT
Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash



Enam tahun yang lalu, saya dan suami membeli dua ekor kucing jantan DLH (domestic long hair). Tujuan utama kami membeli kucing pada waktu itu adalah kerana telah beberapa kali ular masuk ke rumah ibu di Kampung Surau Panjang, Kuala Terengganu. Kemudian, suami saya berniat untuk mencari kucing betina sebagai teman dan kami berkesempatan membeli seekor kucing baka BSH (*British Short Hair*). Hasil dari peliharaan tiga ekor kucing tersebut maka beranak pinaklah kucing sehingga ke 17 ekor semuanya. Oleh itu, sebuah kandang



JEBAT

Si Maine Coon

Noor Hafiza Mohammed, Suzila Mat Salleh, Hani Sakina Mohamad Yusof, Siti Fatimah Mardiah Hamzah dan Solehah Abdullah
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

“Kucing maine coon yang berwajah ‘wild’ kelihatan lebih garang menyerupai singa manakala kucing maine coon berwajah ‘cute’ lebih comel dan tidak kelihatan garang.”

kucing yang sangat besar telah dibina di luar rumah untuk keselesaan kucing-kucing yang dilahirkan.

Pada akhir tahun 2016, setelah arwah ayah meninggal, saya membuat keputusan untuk berpindah ke Dungun memandangkan saya juga telah bertukar tempat kerja dari UiTM Chendering ke Dungun. Setahun sebelum itu, anak saya mempunyai alahan yang sangat teruk terhadap bulu kucing sebelum kami memutuskan untuk meletakkan kucing di luar rumah. Dengan berat hati juga, kami melepaskan kesemua kucing dan diberikan kepada kawan-kawan dan saudara mara. Hanya seekor sahaja kucing yang kami bawa ke Dungun tetapi kucing berkenaan menangis setiap malam selama seminggu dan kami pun menyerahkan kucing tersebut kepada kawan.

Setelah setahun berpindah kembali ke Kuala Terengganu, kami suami isteri bersependapat untuk mendapatkan kucing pedigree untuk diletakkan di dalam rumah. Sebelum membeli kucing yang baru, saya sudah memastikan anak-anak saya tiada lagi lelah atau alergik bila bermain dengan kucing-kucing kampung di rumah kami. Baka kucing maine coon telah lama menjadi idaman suami saya. Anak-anak juga bersetuju untuk membela baka kucing berkenaan.

Maine coon adalah sejenis spesis kucing hutan dan merupakan baka kucing terbesar di dunia. Walaupun kucing maine coon merupakan kucing terbesar di dunia namun kucing ini sangat manja

dan suka kepada kanak-kanak. Kucing ini juga sangat bijak dan mirip kepada anjing. Dalam dunia maine coon, terdapat dua jenis wajah maine coon iaitu ‘wild’ atau ‘cute’. Kucing maine coon yang berwajah ‘wild’ kelihatan lebih garang menyerupai singa manakala kucing maine coon berwajah ‘cute’ lebih comel dan tidak kelihatan garang.

Bagi kebanyakan ‘breeder’ maine coon, terdapat dua jenis sijil bagi dua wajah berkenaan. Kucing maine coon berwajah ‘wild’ mempunyai sijil FiFe dan kucing maine coon berwajah ‘cute’ mempunyai sijil CFA. Kewujudan sijil ini adalah untuk membuktikan keaslian baka kucing berkenaan termasuklah ‘bloodline’ kucing



berkenaan. Kucing maine coon biasanya dijual samada mempunyai sijil, tiada sijil atau mix iaitu campuran baka kucing maine coon dan baka selain maine coon. Oleh itu, harga maine coon ditentukan berdasarkan kualiti baka atau profil kucing berkenaan. Selain itu, kucing boleh dibeli untuk tujuan pembiakan atau sebagai binatang peliharaan. Harga binatang peliharaan adalah lebih murah kerana akan dimandulkan dan terdapat dua jenis harga binatang peliharaan iaitu ‘pet quality’ atau ‘show quality’. ‘Show quality’ bermakna kucing berkenaan mempunyai profil baka kucing yang menarik dan layak untuk menyertai pertandingan kucing.

Kucing ini kelihatan seperti kucing biasa ketika masih bayi dan mula berubah ketika berumur enam bulan dan ke atas. Kebanyakan 'breeder' kucing maine coon akan melepaskan anak kucing maine coon setelah divaksin sebanyak tiga atau empat kali kepada tuan yang baru. Saiz anak kucing maine coon yang berumur empat bulan bersamaan dengan saiz kucing dewasa.

Jebat mempunyai sijil CFA dan membela Jebat umpama seperti mempunyai anak baru di dalam rumah kami. Membela kucing di dalam rumah memerlukan komitmen yang lebih tinggi iaitu dari aspek kebersihan dan kerajinan. Ini kerana kucing berkenaan akan makan, minum, serta membuang najisnya di dalam bekas yang disediakan. Sudah tentu bau dan aroma yang tidak menyenangkan berada di dalam rumah. Walaupun harga makanan kucing pedigree melibatkan kos makanan dan sebagainya yang agak tinggi dan harga makanan dianggap sebagai premium, tetapi kucing pedigree ini makan dengan jumlah yang sangat sedikit.

Sebelum membela Jebat, saya telah membuat kajian terlebih dahulu tentang banyak perkara memandangkan anak-anak saya mempunyai sejarah lelah dan alergik dengan bulu kucing. Dalam memastikan kesihatan anak-anak terjamin dan kualiti

“Jebat mempunyai sijil CFA dan membela Jebat umpama seperti mempunyai anak baru di dalam rumah kami.”

udara sentiasa bersih, saya menggunakan bantuan dua gajet iaitu 'ultrasonic diffuser' dan 'air purifier'. In shaa Allah, kedua gajet berkenaan berjaya memastikan usaha kami membela kucing di dalam rumah tercapai dan mengelakkan anak-anak saya terkena lelah atau alergik.

Walaupun Jebat baru bersama kami, tetapi dia mesra dan suka berada di atas meja tempat saya bekerja. Gambar-gambar yang dikongsikan adalah Jebat yang berusia empat bulan dan seringkali mengganggu semasa saya bekerja. Mungkin Jebat memerlukan perhatian untuk dilayani. Alhamdulillah, rezeki saya apabila suami dan anak-anak sentiasa rajin melayan karenah dan keperluan Jebat termasuklah makan, minum serta buang Jebat.

Yogii Jebat
D.O.B.: 13 Mei 2021






Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash